

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY
[KAPAR]**

TARIKH : 16.5.2016

SOALAN :

**Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [Kapar] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) sama ada tindakan telah diambil berhubung kes seorang murid di Klang, Selangor yang didakwa dipaksa menggunting lidahnya sendiri dalam kejadian buli yang berlaku di sekolah pada 24 Mac 2016. Senaraikan secara terperinci statistik kes buli di setiap negeri mengikut tahap pendidikan (Darjah 1,2,3,4,5,6 dan Tingkatan 1,2,3,4,5) untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015 untuk tempoh masa 1 Januari sehingga 31 Disember setiap tahun; dan
- (b) senaraikan secara terperinci langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk membanteras gejala buli yang berleluasa di sekolah rendah dan menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil perhatian berat terhadap kes seorang murid SK Batu Unjur, Klang, Selangor yang dilaporkan tergunting lidahnya sendiri. Hasil siasatan pihak

polis mendapati mangsa telah tergantung lidahnya sendiri sehingga menyebabkan luka dan berdarah serta tiada keterangan yang menunjukkan kejadian buli berlaku seperti yang dilaporkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu buli yang melibatkan disiplin murid secara keseluruhannya berada dalam situasi yang terkawal. Statistik kes buli pada tahun 2010 ialah 0.04 peratus, 2011 0.03 peratus, 2012 0.08 peratus, 2013 0.08 peratus, 2014 0.06 peratus dan 2015 pada kadar 0.06 peratus. Dalam tempoh 6 tahun (2010-2015) statistik salah laku buli ialah pada kadar purata 0.05 peratus. Kes-kes buli yang disebutkan termasuklah buli fizikal, buli emosi, buli isyarat dan buli perhubungan.

- b) KPM telah mengambil inisiatif mengedarkan Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah untuk memberi kefahaman serta kesedaran kepada warga sekolah tentang perlakuan buli dan kesannya. Melalui buku tersebut, warga sekolah memahami serta menghayati peranan dan fungsi masing-masing dalam pelaksanaan strategi dan tindakan di peringkat sekolah untuk mengatasi gejala buli.

KPM turut memberi penegasan kepada setiap sekolah untuk mematuhi garis panduan mencegah dan menangani perbuatan buli dalam kalangan murid di sekolah melalui surat pekeliling dan surat siaran seperti berikut :

1. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2010 “Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 29 Julai 2010.
2. Surat Siaran KP (BS-SPPK) 601/1 (16) “Ketegasan Menangani Tingkah Laku Ala Samseng dalam Kalangan Murid” bertarikh 11 Mac 2009.
3. Surat Siaran KP (BPSH–SPKD) 601 / 01 Jld.11(16) “Pematuhan Garis Panduan Mencegah dan Menangani Perbuatan Buli dalam Kalangan Murid di Sekolah” bertarikh 11 November 2011.

KPM juga menyediakan garis panduan menangani buli melalui pembudayaan amalan penyayang dalam kalangan murid di sekolah dan asrama dengan objektifnya agar murid-murid menterjemahkan sikap penyayang dan saling hormat menghormati sebagai budaya dalam perhubungan harian murid di sekolah dan asrama.